



**PEKELILING BENDAHARI BIL. 24/2013**

Kepada Semua Pelajar UKM

Saudara/i,

**PENGGUNAAN SISTEM KEWANGAN DAN PERAKAUNAN UNIVERSITI (UFAST)  
- MODUL AKAUN PELAJAR**

Merujuk kepada perkara di atas sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Bendahari akan menggunakan Sistem Kewangan dan Perakaunan Universiti (UFAST) bagi Modul Akaun Pelajar bagi menggantikan Sistem Kewangan Universiti (SKU) mulai 1 Januari 2014 .

2. Sehubungan dengan itu semakan akaun pelajar melalui portal ewarga akan ditutup sehinggalah proses pindahan data akaun pelajar dari sistem SKU ke UFAST selesai dijalankan. Pertukaran sistem ini bertujuan untuk menambahbaik sistem sedia ada. Di antara penambahbaikan yang melibatkan pelajar ialah penggunaan invoice bagi yuran yang dikenakan kepada pelajar. Sebarang bayaran dan pelarasan hendaklah merujuk kepada nombor invoice yang dikeluarkan.

3. Sukacita sekiranya semua pelajar dapat mengambil maklum akan perubahan ini dan jika ada sebarang kemosyikilan, silalah berhubung dengan pegawai-pegawai di Bahagian Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari.

Sekian terima kasih.

'Akauntabiliti Pegangan Kita'


Yang Benar,

**MOHD ABD RASHID BIN MOHD FADZIL**

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia

- S.k: - Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UKM  
- Semua Dekan / Pengarah  
Fakulti / Institut / Pusat, UKM  
- Pendaftar UKM  
- Pengetua-Pengetua Kolej UKM  
- Presiden PMUKM



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779